

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SAP300 - Kaedah-Kaedah Penyelidikan dan Tinjauan Luar

Masa: (2 jam)

Jawab DUA soalan sahaja. Soalan 1 di Bahagian A adalah wajib.
Semua soalan mengandungi markah yang sama.

Bahagian A

Soalan wajib.

1. Satu kumpulan penyelidik akan mengkaji masalah persekitaran di Pulau Pinang melalui soal-selidik. Kesemua kawasan di Pulau Pinang dan Seberang Prai akan diambil kira.
 - (a) Bagaimanakah harus mereka membuat sampel rambang (random)?
 - (b) Apakah saiz sampel yang berpatutan untuk satu kajian peringkat negeri?
 - (c) Kawasan-kawasan manakah yang boleh digunakan sebagai kajian kes, di mana penyelidikan lebih dalam dan analisis lebih teliti dapat dijalankan?
 - (d) Agensi-agensi manakah harus mereka hubungi untuk mendapatkan bahan-bahan sekunder?
 - (e) Apakah mungkin rumusan-rumusan mereka dalam kajian seperti ini dari segi saranan-saranan dan dasar?

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Pilih di antara soalan 2 atau soalan 3.

2. Anda sudah dilantik menjadi seorang Pegawai Penyelidik di Jabatan Perdana Menteri. Kemudian anda dipilih mengetuai satu projek mengenai Pembangunan Ekonomi dan Persekitaran: Satu Penilaian Sains dan Sains Sosial. Apakah proses-proses penyelidikan utama yang anda harus lakukan? Bincangkan tahap-tahap penyelidikan dari pengubalan projek sehingga penulisan laporan.

(100 markah)

3. Bincangkan masalah-masalah menjalankan projek ekologi manusia dan persekitaran di Pulau Pinang.

(100 markah)

- oo o0o oo -